

TOKOH2 UMNO DIINGGAT JANGAN MELOBI

SANTING, Ahad — Tokoh-tokoh UMNO, khususnya di Selangor, diingatkan jangan mengamalkan sikap lobi-melobi untuk menjadi Menteri Besar dan calon dalam pilihanraya umum akan datang.

Menteri Besar, Datuk Haji Hormat Rafel menegaskan, mereka yang berkebolehan dan bercita-cita hendak menduduki kerusi Menteri Besar, tidak perlu lobi-melobi.

Sebaliknya, jelas beliau mereka hendaklah meneruskan usaha membela rakyat dengan jujur dan ikhlas.

Pucuk pimpinan akan menghargai khidmat mereka, katanya merasmikan majlis penutup khemah kerja UMNO Bahagian Kuala Langat di Sekolah Menengah Datuk Hormat, dekat sini, hari ini.

"Sekiranya mereka hanya pandai lobi-melobi tetapi perjuangan tidak

jujur, ia hanya akan mengecewakan mereka sendiri," katanya.

Menurut Datuk Hormat kedudukan beliau dan bakal Menteri Besar Selangor sedang dipertikaikan oleh ramai tokoh UMNO dengan spekulasi.

"Ada golongan yang menganggap saya sudah tua, sudah lama jadi Menteri Besar, sudah sampai masanya saya turun dan macam-macam lagi.

"Apa juga spekulasi dan siapa bakal menjadi Menteri Besar Selangor, adalah soal kedua, yang penting Barisan Nasional mesti memenangi pilihanraya akan datang," katanya.

Katanya, kerusi Menteri Besar jangan dipertikaikan sangat, sesiapa juga boleh memegang jawatan itu bila sampai masa.

"Sama ada saya akan terus menjadi Menteri Besar atau sebaliknya bukan soal penting, kerana ia terpulang pada pucuk pimpinan UMNO," katanya.

UMNO, katanya, hendaklah bekerja kuat dan menyusun strategi bagi memastikan Barisan Nasional berkuasa semula.

Jika UMNO berpecah-belah, pembangkang yang akan beruntung, katanya.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan menyebarkan khabar-khabar angin demi perpaduan parti dan bagi menjamin Barisan Nasional menang dalam pilihanraya umum.

Beliau yakin dengan pembangunan yang telah banyak dilaksanakan di negeri ini, parti pembangkang tidak mempunyai isu untuk memancing undi rakyat.

Khemah kerja yang bermula kelmarin anjuran Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Kuala Langat dirasmikan oleh Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia